

KEMERUPAN, KEHADIRAN, PELANCONGAN
ASEAN-3: APLIKASI MODEL ARMA

DR. MASYHUMUDA

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
2011

**KEMERUAPAN KEHADIRAN PELANCONG ASEAN-3:
APLIKASI MODEL ARIMA**

**NUR AISYAH YULIZA
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**PROJEK ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT PENGAJIAN**

**JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
2011**

PENGAKUAN

Saya akui kertas projek (EKN 4399A/B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukkannya melalui senarai rujukan yang telah dilampirkan.

19 Januari 2011



.....
NUR AISYAH YULIZA
UK 18219

DECLARATION

I hereby declare that this project paper (EKN 4399A/B) is the result of my own investigation and findings, except where otherwise stated other sources are acknowledge by giving explicit references is appended.

19 January 2011



.....
NUR AISYAH YULIZA
UK 18219

PENGHARGAAN

Saya ucapkan jutaan terima kasih serta penghargaan ditujukan khas kepada penyelia kertas projek saya iaitu **Dr. Nanthakumar Loganathan** yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan dorongan dalam usaha menyiapkan kertas projek ini. Penghargaan terima kasih juga saya tujukan kepada para pensyarah di Jabatan Ekonomi yang telah memberikan ilmu dan pengetahuan sepanjang pengajian saya di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Sesungguhnya segala nasihat dan tunjuk ajar kalian akan saya gunakan sebagai panduan dalam menjalankan cabaran hidup mendatang.

Teristimewa saya tujukan kepada kedua ibu bapa dan ahli keluarga saya. Kerana berkat dorongan serta sokongan mereka akhirnya saya berjaya menamatkan pengajian dengan jayanya. Akhir sekali, tidak lupa buat rakan-rakan seperjuangan yang turut memberi sokongan dan usaha dalam bersama-sama menjalankan kertas projek ini. Segala dorongan dan sokongan daripada kalian akan menjadi kenangan manis sepanjang pengajian di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) buat selama-lamanya.

Sekian, terima Kasih.

Nur Aisyah Yuliza
Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)
Email: maling77@yahoo.com

ABSTRAK

Pelancongan merupakan salah satu faktor utama yang memberikan sumbangan terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pelancongan adalah sektor perkhidmatan yang berkembang cepat seiring dengan perkembangan ekonomi global serta menjadi sumber pendapatan utama negara. Oleh itu, matlamat utama kajian ini adalah untuk menganalisis pengaruh kemeruapan kehadiran pelancong ASEAN-3 ke Malaysia. Kajian ini menggunakan data bulanan sepanjang tempoh Januari 1995 hingga Mac 2009 dengan menggunakan pendekatan model ARIMA. Hasil kajian ini juga membuktikan bahawa terdapat trend bermusim dalam polarisasi kehadiran pelancong ASEAN-3 ke Malaysia. Hasil kajian ini juga menunjukkan terdapat beberapa faktor yang berlaku sepanjang tempoh 1995 hingga 2009 yang mendorong tahap kemeruapan kehadiran pelancong, antaranya adalah kegawatan ekonomi rantau Asia dan pandemik SARS mempunyai kombinasi ARIMA yang stabil. Hal ini membuktikan pengaruh kemeruapan kehadiran pelancong mempunyai kesan langsung terhadap pola kehadiran pelancong ASEAN-3 ke Malaysia sepanjang tempoh kajian ini.

Kata kunci: Kemeruapan, ARIMA.

ABSTRACT

Tourism is one of the major contributing sectors for Malaysia's economic growth. Tourism industry is one of the fastest growing services industries in global economy. Therefore, the main objectives of this study analyze the influence of the volatility of ASEAN-3 tourist arrivals to Malaysia. This study used monthly data from January 1995 until March 2009. ARIMA model have been used in this study to analyze. The findings of this study show that there is seasonal trend in tourist arrival from ASEAN-3 to Malaysia for the entire period of this study. These results from several factors occur within the period of 1995 to 2009, such as Asian financial crisis, SARS pandemic. The volatility of ASEAN-3 tourist arrivals have a stable ARIMA combination. This clearly shows that, the volatility of ASEAN-3 tourist arrivals for the entire period this study.

Keywords: Volatility, ARIMA